



POLITEKNIK JELI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jalan Raya Timur – Barat
17600 Jeli
KELANTAN, MALAYSIA



Tel : 09-9443600
Faks : 09-9462802
Laman Web : www.pjk.edu.my
Facebook : [politeknik.edu.my](https://www.facebook.com/politeknik.edu.my)

No. Ruj. : PJK/JHEP/600/01/05/ (15)
Tarikh : 1 Julai 2020

Semua Pelajar Baharu
Politeknik Jeli Kelantan

MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK JELI KELANTAN SESI JUN 2020

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saudara/i telah ditawarkan tempat pengajian di Politeknik Jeli Kelantan dan dikehendaki menghadirakan diri bagi tujuan pendaftaran pengajian. Maklumat pendaftaran adalah seperti berikut :

TEMPAT	TARIKH	MASA	CATATAN													
Kolej Kediaman Lanas Harmoni	05 Ogos 2020 (Rabu)	8.30 pagi	<u>PENDAFTARAN PENGAJIAN</u> NOMBOR PENDAFTARAN PELAJAR <table border="1"><tr><td>2</td><td>2</td><td>D</td><td>A</td><td>_</td><td>2</td><td>0</td><td>F</td><td>1</td><td>_</td><td>_</td><td>_</td><td>_</td></tr></table>	2	2	D	A	_	2	0	F	1	_	_	_	_
2	2	D	A	_	2	0	F	1	_	_	_	_				

*** sila buat pendaftaran secara atas talian(online) untuk mendapatkan Nombor Pendaftaran Pelajar*

3. Dimaklumkan juga semua pelajar yang mendapat tawaran tempat pengajian ini dikehendaki tinggal di Kolej Kediaman .
4. Sila memuat turun(download) **Panduan Pendaftaran** dan maklumat lain yang berkaitan di laman web <http://smp.pjk.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>
5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar, PJK di talian 09-9443600.

Sekian, selamat belajar dan semoga berjaya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

t.t
(IROZI BIN ISMAIL)
b.p. Pengarah,
Politeknik Jeli Kelantan.

POLITEKNIK MENTRANSFORMASI KEHIDUPAN



PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR

SESI JUN 2020

POLITEKNIK JELI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Jalan Raya Timur – Barat, 17600 Jeli
KELANTAN, MALAYSIA
Tel : 09-9443600 Faks : 09-9462802 Laman Web : www.pjk.edu.my

Disediakan oleh :
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Jeli Kelantan

PERINGATAN PENTING

Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Anda dinasihatkan tidak datang mendaftar jika:

- i. memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - Kewarganegaraan
 - Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir
- ii. anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tindakan menarik balik atau pembatalan tawaran kemasukan ke Politeknik akan dilakukan.

SILA PASTIKAN DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN :

- i. Salinan Surat Tawaran yang disahkan
- ii. Borang Jawapan Tawaran (BJT – JPP)
- iii. Salinan Kad Pengenalan yang disahkan
- iv. Salinan Keputusan Akademik yang disahkan
- v. Slip Pengesahan Pendaftaran Sesi Jun 2020
- vi. Borang-borang Pendaftaran yang telah lengkap diisi dan perlu diketipkan (*staple*) sekali mengikut turutan berikut :-
 - **HEP1 – Borang Maklumat Peribadi Pelajar**
 - **HEP2 – Laporan Pemeriksaan Doktor (Bahagian A, B, C dan D)**
 - **HEP3 – Kebenaran Iubapa / Penjaga untuk Rawatan Pembedahan**
 - **HEP4 – Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung**
 - **HEP5 – Akuan Pelajar**
 - **HEP6 – Aku Janji Pelajar**
- iii. Sijil – Sijil Akademik, Kad Pengenalan dan Surat Berhenti Sekolah.
- iv. Surat pengesahan asal tajaan (***jika berkaitan***)
(*Contoh Tajaan: Jabatan Agama Islam, Jabatan Mara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Dan lain-lain*)

PERHATIAN

Pelajar di kehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri.

Isi Kandungan

Perkara	
A. MAKLUMAT AM	
a) Pengenalan	
b) Kemudahan penginapan	
c) Pinjaman dan biasiswa	
B. PANDUAN PENDAFTARAN	
a. Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil Sebelum Hadir Melapor Diri	
b. Laporan Diri	
C. SAHSIAH DAN RUPADIRI	
D. LAMPIRAN	
a. Lampiran 1 :	Tatacara Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online
b. Lampiran 2 :	Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman

A. MAKLUMAT AM

a) Pengenalan

Politeknik Jeli Kelantan (PJK) merupakan politeknik yang ke-22 yang mula beroperasi pada 1 April 2007 dengan menumpang buat sementara waktu di kampus Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Pada peringkat awal penubuhannya PJK mempunyai satu jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi) yang menawarkan kursus di peringkat sijil dan diploma. Namun begitu, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi) telah dijumlahkan pada penghujung tahun 2012 dan digantikan dengan Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri yang menawarkan dua program baharu iaitu Diploma Agroteknologi & Diploma Akuakultur.

PJK telah beroperasi secara rasmi di kampus Jeli pada 1 Mac 2013. Sehingga kini PJK mempunyai lebih 100 orang staf yang terdiri daripada kakitangan akademik dan sokongan akademik. Kampus tetap PJK di daerah Jeli telah dibina dengan kos hampir RM 124 juta yang meliputi kawasan seluas 122 ekar. Dari segi lokasinya, PJK berada dalam lingkungan komuniti ilmu yang sedang pesat membangun antaranya seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Maktab Rendah Sains Mara, Sekolah Menengah Sains Jeli serta Kolej Komuniti Jeli.

Seiring dengan perkembangan semasa, PJK memikul tanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang lestari serta mempunyai mentaliti kelas pertama seiring dengan halatuju transformasi Jabatan Pengajian Politeknik untuk melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang TVET. PJK juga berusaha untuk menghasilkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing agar sasaran transformasi politeknik dapat digarap dengan jayanya.

b) Kemudahan penginapan

PJK menyediakan kemudahan penginapan pelajar yang mampu memuatkan bilangan penghuni seramai 1500 orang. Kolej kediaman terdiri daripada 3 blok iaitu 2 blok untuk pelajar perempuan dan 1 blok lagi untuk pelajar lelaki. Berikut beberapa ketetapan yang telah diputuskan berkaitan dengan penginapan pelajar.

- i. **Semua pelajar baharu dikehendaki tinggal di Kolej Kediaman. Pelajar akan ditawarkan tinggal di Kolej Kediaman sepanjang pengajian sekiranya ada kekosongan.**
- ii. Yuran Kolej Kediaman hendaklah dibayar sepenuhnya setiap semester. (Rujuk **PANDUAN PENDAFTARAN : Jadual Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman Pelajar Baharu Sesi Jun 2020**)
- iii. Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas di Kolej Kediaman seperti katil, tilam, bantal, almari, meja dan kerusi. Cadar dan sarung bantal serta keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri.

c) Pinjaman dan Biasiswa

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar sendiri untuk memohon bantuan pinjaman atau biasiswa bagi menampung perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian. Jenis bantuan pinjaman untuk pelajar-pelajar adalah seperti yang berikut:

- i. **Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**
 - Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN boleh dibuat melalui laman web <http://www.ptptn.gov.my>.

- Sebelum membuat permohonan pinjaman PTPTN, pelajar perlu mempunyai akaun simpanan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** dan **Akaun Simpanan SSPN**.
- Tandatangan Saksi Peminjam bagi pelajar adalah dari kalangan Pensyarah atau Pegawai Hal Ehwal Pelajar Politeknik Jeli.

Untuk pertanyaan lanjut, sila berhubung terus dengan pihak **PTPTN** :

ii. Lain-lain penyedia Biasiswa dan Pinjaman

1. Baitulmal Negeri	15. Lembaga Biasiswa Negeri Kedah
2. Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS)	16. Lembaga Zakat Negeri
3. Biasiswa Sukan KPM	17. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIP)
4. Dermasiswa KPM (OKU / PPK)	18. MARA
5. Dermasiswa Pendidikan Negeri Perak	19. Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor
6. Dermasiswa Sukan Majlis Sukan Negeri Johor	20. Yayasan Felcra
7. FELDA	21. Yayasan Kelantan Darulnaim
8. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)	22. Yayasan Negeri Melaka
9. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	23. Yayasan Negeri Sarawak
10. Kerajaan Negeri Perak	24. Yayasan Negeri Sembilan
11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang	25. Yayasan Pahang
13. Kerajaan Negeri Selangor	26. Yayasan Pelajaran Johor
14. Kuok Foundation Berhad	27. Yayasan Terengganu

B. PANDUAN PENDAFTARAN

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti supaya urusan pada HARI PENDAFTARAN berjalan dengan lancar. Anda **tidak akan didaftarkan** sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.

a) Proses-proses sebelum dan semasa melapor diri



Langkah 1 : Membuat Pembayaran

Berikut jadual jenis bayaran yang perlu dibuat :-

Bil	Jenis Bayaran	Jumlah (RM)	Kaedah Bayaran
1.	Yuran Pengajian	200.00	Bayar melalui Perbankan Internet / Mesin ATM / Mesin Cash Deposit (CDM) BIMB
2.	Yuran Kolej Kediaman	630.00	Bayar melalui Perbankan Internet / Mesin ATM / Mesin Cash Deposit (CDM) BIMB
3	Bayaran Pelbagai	300.00	Bayaran secara tunai di kaunter yang disediakan pada hari pendaftaran

**Jadual Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman
Pelajar Baharu Sesi Jun 2020**

- Setiap jenis bayaran hendaklah dibuat secara berasingan.
- Sila rujuk **Lampiran 2 : Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman**. Bayaran bagi Yuran Pengajian dan Kolej Kediaman boleh dibuat mulai **06 JULAI 2020**.
- Pendaftaran secara *online* hanya boleh dibuat selepas satu (1) hari / 24 jam membuat bayaran di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).
- Bagi pelajar yang mendapat tajaan, pendaftaran *online* boleh dibuat setelah pihak Politeknik Jeli mendapat pengesahan surat 'Tajaan' daripada pihak penaja.

Langkah 2 : Pendaftaran Secara Online

- Semua pelajar **diwajibkan** mendaftar pengajian secara online dan cetak **Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)** sebelum hadir melapor diri ke Politeknik Jeli.
- Sebelum dibolehkan mendaftar secara online, calon hendaklah
 - telah membayar **Yuran Pengajian**
 - telah membayar **Yuran Kolej Kediaman**
- Sila rujuk **Lampiran I: Tatacara Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online**

Langkah 3 : Lengkapkan Borang HEP1-HEP6

- Sila cetak **Borang HEP1-HEP6** di laman web :
<http://ambilan.mypolycc.edu.my/semakanpoliteknik/diploma/index.asp>
- Pelajar dikehendaki melengkapkan keseluruhan borang tersebut sebelum hadir melapor diri.

Langkah 4 : Pendaftaran Masuk Kolej Kediaman

- Pada hari pendaftaran 5 Ogos 2020, pelajar akan terus melapor diri di kolej kediaman untuk mendaftar masuk ke kolej kediaman.
- Sila bawa **Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)** bagi tujuan daftar masuk kolej kediaman.
- Berikut proses yang berlaku pada hari tersebut :-
 - i. Semakan pendaftaran dalam talian (online)
 - ii. Pembayaran bayaran pelbagai secara tunai (RM300.00)
 - iii. Agihan kunci bilik
- Ibubapa dan pelajar dibenarkan keluar untuk mendapatkan keperluan masing-masing dan dikehendaki kembali ke kolej kediaman sebelum pukul 5.00 petang.

Langkah 5 : Semakan Dokumen Pelajar

- Semakan dokumen pelajar akan diadakan pada hari berikutnya. Pelajar akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
 - a. Sila susun dokumen pendaftaran mengikut tertib berikut: *(Bawa semasa melapor diri)*

Bil.	Dokumen	Semakan (/)
1.	Salinan Surat Tawaran Program Pengajian Politeknik	
2.	Borang HEP1 – Maklumat Peribadi Pelajar	
3.	Borang HEP2 – Laporan Pemeriksaan Doktor	
4.	Borang HEP3 – Kebenaran Bapa/ibu/penjaga Untuk Rawatan Pembedahan	
5.	Borang HEP4 – Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung	
6.	Borang HEP5 - Akuan Pelajar dan Akuan Bapa/ibu/penjaga	
7.	Borang HEP6 - Aku Janji Pelajar	

b) Dokumen yang diperlukan semasa Semakan Dokumen Pelajar

- Dokumen-dokumen ASAL yang berikut :
 - Kad Pengenalan Pelajar
 - Surat Tawaran ke Politeknik
 - Keputusan SPM/Sijil Kolej Komuniti/Institut Pertanian dan sebagainya.
 - Sijil Berhenti Sekolah.
 - Dokumen / Sijil Ko-Kurikulum yang berkaitan (*terutamanya yang mewakili Negara dan negeri*).
 - Surat Akuan/Testimonial Sekolah (*jika berkaitan/ada*)

PEMERIKSAAN KESIHATAN & X-RAY adalah DIWAJIBKAN bagi setiap pelajar baharu di setiap politeknik. Ianya boleh dibuat di Klinik atau Hospital Kerajaan / Swasta. Laporan X-ray (*Report X-ray*) hendaklah disertakan bersama Laporan Pemeriksaan Kesihatan (HEP 2) .

SEKIRANYA ANDA GAGAL MENGEMUKAKAN / MEMBAWA DOKUMEN-DOKUMEN ASAL BERKENAAN, PENDAFTARAN ANDA AKAN TERTANGGUH

C. SAHSIAH DAN RUPADIRI

SEMASA PENDAFTARAN

Lelaki	Keterangan
Baju	Kemeja /T-Shirt berkolar.
Seluar/ Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none">Seluar panjang – <i>jeans</i> tidak dibenarkan.Tali pinggang – corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan.
Kasut	<ul style="list-style-type: none">Kasut bertutup penuh- Kasut sukan tidak dibenarkan.Memakai sarung kaki dengan sempurna
Rambut	<ul style="list-style-type: none">Pendek, kemas dan tidak diwarnakanBelakang tidak menyentuh paras kolar baju, paras tepi tidak menyentuh paras atas telinga dan paras depan tidak menyentuh paras dahi.

Perempuan	Keterangan
Baju	<ul style="list-style-type: none">Berbaju kurung / <i>blouse</i> labuh melepasi paras punggung.Bertudung dan melebihi paras bahu bagi yang beragama Islam.Pakaian hendaklah bersopan dan tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana - mana bahagian badan yang sensitif tidak dibenarkan.
Kasut	<ul style="list-style-type: none">Kasut bertutup penuh.Memakai sarung kaki dengan sempurna.
Rambut	<ul style="list-style-type: none">Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen.

Lain-lain

- Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN

Lelaki	Keterangan
Baju	Kemeja lengan panjang / pendek Baju T berkolar (<i>tuck-in</i>) Baju Kebangsaan lengkap
Seluar	Seluar 'slack'
Kasut	Kasut berstokin yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Pendek, kemas dan tidak diwarnakan



Perempuan	Keterangan
Baju	Baju kebangsaan lengkap Berlengan panjang, kemas dan bersopan Baju T berkolar Pakaian labuh melepasi paras punggung
Seluar	Seluar 'slack'
Sarung/Maxi	Labuh, longgar dan tidak jarang
Kasut	Kasut bertali yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Kemas dan tidak diwarnakan

Lampiran 1

Tatacara Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online

1. Pra- Syarat Pendaftaran
 - a. Telah membayar yuran pengajian di Bank Islam
 - b. Telah membayar yuran Kolej Kediaman di Bank Islam
2. Tatacara Pendaftaran
 - a. Alamat Web – <http://spmp.pjk.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

The screenshot shows the 'iHELP' portal for Politeknik Jeli, Kelantan. The header reads 'Selamat Datang ke Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar'. The main content area is titled 'Pendaftaran Pelajar Baru Online'. It features a form with a label 'No KP Calon' followed by an input field and a 'Teruskan' button. To the right, the 'iHELP' logo is displayed above the text 'Politeknik Jeli, Kelantan' and 'Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar Jabatan Hal Ehwal Pelajar'.

- b. Masukkan No.Kad Pengenalan Calon dan klip butang “teruskan”.
- c. Sekiranya melepasi tapisan Pra-Syarat paparan adalah seperti di bawah

The screenshot shows the 'Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)' portal. The header reads 'Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)'. Below the header, it says 'Sesi Semasa : DISEMBER 2014 || DIS2014'. The main content is titled 'Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Jeli' and contains a table with four steps:

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Jeli	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Jeli sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Sila Klik Pendaftaran Online PJK setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Jeli	Teruskan Untuk Pendaftaran

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar

© Copyright Team Programmer PKB
Klik : | [Email](#)

dan jika tidak melepasi tapisan,

Selamat Datang ke Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Pendaftaran Pelajar Baru Online

No KP Calon : 96102403515€

iHELP
 Politeknik Jeli, Kelantan
 Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar
 Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Maaf jawapan penerimaan anda masih belum diterima atau diproses,
 sila hubungi JHEP Politeknik Jeli

- d. Cetak maklumat pendaftaran
- e. Tekan butang “ Teruskan Untuk Pendaftaran”

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (iHELP)

Selamat Datang :: Pengguna : IROZI BIN ISMAIL [Administrator HEP] iHelp Versi-3.16 || Menu Pendaftaran || Logout ||

Sesi Semasa : JUN 2017 || JUN2017

Hep - Pendaftaran Pelajar Baru

Masukan No Kp :

Maklumat Pendaftaran Pelajar Telah Pun Mendaftar

Nama	: MUHAMMAD ARIFF BIN AZMAL
No Kp	: 980513106043
No Pendaftaran	: 22DAQ18F2999
Program	: DIPLOMA AKUAKULTUR
Kategori Kemasukan	: AA -
Semaester Masuk	: 2
Jabatan	: JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI
Kelas	: DAQ2A
Tarikh Lapordiri	: 10/06/2017
Sesi Mula	: DISEMBER 2016
Sesi Tamat	: DISEMBER 2018

Maklumat Kamsis

Blok Kamsis	: 1
No Bilik	: 1108
No katil	: B

CONTOH

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar
 Politeknik Jeli
 Tel : 09-9443600 Fax : 09-9462802
 http://www.pjk.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

f. Cetak slip pendaftaran dan bawa semasa hari lapordiri



Politeknik Jeli
Jalan Raya Timur-Barat
17600 Jeli
Kelantan

Telefon : 09-9443800
Fax : 09-9482802
Web : <http://www.pjk.edu.my>



Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran

Nama : MUHAMMAD ARIFF BIN AZMAL
No Kp : 980513106043
Program : DIPLOMA AKUAKULTUR
Kelas : DAQ2A
Tarikh Lapordiri : 04 Jun 2017
Sesi Mula : DISEMBER 2016
No Bilik Kamsis : 1108
No Pendaftaran : 22DAQ16F2999
Jabatan : JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI
Masa lapordiri : 8:30 Pagi
Sesi Tamat : DISEMBER 2018
No Katil : B

Arahan Semasa Melapor Diri

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP2). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan X-Ray tidak perlu diserahkan
- iv Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pemberian Narkosis
- v Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP4)
- vi Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP5)
- vii Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

Untuk Kegunaan Pelajar
Senarai Pelajar Politeknik Jeli Kelantan

Nama : MUHAMMAD ARIFF BIN AZMAL
No Kp : 980513106043
Program : DIPLOMA AKUAKULTUR
Kelas : DAQ2A
No Pendaftaran : 22DAQ16F2999

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Jeli Kelantan

Peralatan dari Koperasi Politeknik Jeli Kelantan yang telah di ambil oleh pelajar.

- | | |
|--------------------------|---------------------|
| <input type="checkbox"/> | T-SHIRT MSK |
| <input type="checkbox"/> | T-SHIRT YES |
| <input type="checkbox"/> | TRACKSUIT |
| <input type="checkbox"/> | BEG GALAS |
| <input type="checkbox"/> | TIE/SHAWL |
| <input type="checkbox"/> | LANYARD&CARD HOLDER |
| <input type="checkbox"/> | TOPI |
| <input type="checkbox"/> | BAJU KORPORAT |
| <input type="checkbox"/> | BAJU LADANG |
| <input type="checkbox"/> | LAB COAT |

Lampiran 2

Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman

LANGKAH 1: BAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN

A PERBANKAN INTERNET

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo “Internet Banking Login” dan tekan butang “ok” pada “Security Alerts”
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih “Bill Presentment” pada bahagian “Bill Payment”.
5. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik “next”
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik “pay”
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih “source account” yang hendak di debitkan and sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik “pay”
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan..
10. Klik "Confirm" untuk meneruskan pembayaran atau sebaliknya.

Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan.
11. **Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.**

** sila ulang langkah di atas untuk membuat pembayaran yuran pengajian atau yuran kolej kediaman

B MESIN ATM BANK ISLAM

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. **Transaksi selesai, ambil dan simpan Resit**

sila ulang langkah di atas untuk membuat pembayaran yuran pengajian atau yuran kolej kediaman

C MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. **Transaksi selesai, ambil dan simpan Resit**

sila ulang langkah di atas untuk membuat pembayaran yuran pengajian atau yuran kolej kediaman

MAKLUMAT TAMBAHAN PENGURUSAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR PASCA COVID-19

Pelajar perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, KPT selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Garis panduan Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2020 (Pasca Covid-19) adalah seperti berikut:

- i. urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.
- ii. pelaksanaan norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan pensanitasi tangan, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial akan diadakan di seluruh Politeknik, KPT.
- iii. hanya dua (2) orang waris sahaja yang dibenarkan untuk mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran.
- iv. pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus *Person under Investigation* (PUI) atau *Person under Surveillance* (PUS), tidak dibenarkan mendaftar.
- v. pelajar baharu akan mengikuti PdP secara dalam talian di dalam kampus kecuali aktiviti makmal di dalam kelas.
- vi. Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak pengurusan Politeknik berkenaan.